

CONTEMPORARY COMMUNICATION GAZETTE

OFFSTONE

September 2020 | Second Edition | Faculty of Leadership and Management

Communicating in the 4th Industrial Revolution

Pandemic Covid-19
and New Norms

Mendepani
Revolusi Industri 4.0

Communication, Technology,
Race and Religion



EDITOR'S NOTE

Alhamdulillah, we are here again in the second edition of the Offstone magazine!

In this edition, we have sixteen (16) articles in three languages: Bahasa Melayu, English and Arabic which all feature write-ups discussing the theme of 'Communicating in the 4th Industrial Revolution'. Eight (8) Bahasa Melayu and six (6) English articles discuss about COVID-19 and issues related to the 4th Industrial Revolution. Six (6) English articles deliberate on the theme of COVID-19 with more articles focussing on media and the 4th IR. Meanwhile, two (2) Arabic articles focus on the new media and journalism style.

In the Bahasa Melayu section, Dr. Kartini highlights the use of hashtags on social media which play a significant role in communicating messages and information related to COVID-19 and can contribute to the formation of shared values and collective action in the online sphere. Dr. Kartini brings an Islamic perspective to the issue and discusses how Muslims could appropriate digital media and collectively act alongside the Malaysian community against the pandemic.

Another important issue brought up in the discussion about COVID-19 in this edition is on e-learning. Although e-learning has been introduced since the early 21st century, it only becomes prevalent after the world has been smashed by the unprecedented COVID-19. Dr. Rosnirawati and the co-authors offer challenges in implementing e-learning in schools and discuss the effectiveness of online learning methods for teachers and students based on their empirical study.

Other articles discuss a shared responsibility in handling COVID-19, the role of counsellors during the pandemic, the necessity of innovation, tradition and public relations facing the 4th IR, mental health and counselling based on the Islamic perspective, and relationship among Muslims and Christians in Sabah.

In the English section, Dr. Fauziah Hassan and Dr. Sofia Hayati Yusoff discuss how journalism has evolved in the 4th IR and how it has impacted news reporting on Islam and Muslims. They also suggest how reporting can improve the image of Muslims and Islam. Dr. Khatijah Othman in her article "New Norms Amid Movement Control Order of COVID-19" focuses more on the response to the COVID-19 pandemic and explains how it has disrupted people of all walks of life. The urgency to adapt to new norms of obligatory face masks and hand sanitizers is also highlighted.

Other English articles discuss on the use of communication, technology, race and religion in Malaysian newspapers, negotiation and fan narratives.

In the Arabic section, Asad Hammouda discusses new styles of editing in journalism whereas Ahmad Mohamad Ahmad Alnadi discusses the communication strategy between freedom of expression and hate speech on social media.

We hope readers will gain new insights related to the communication and evolution in the 4th IR and how these may compel us to adjust some aspects in our lives. It is noted here that

religion must remain the utmost important fundamental in ensuring human beings to function at their best and to gain best rewards in this life and the Hereafter.

Thank you.

Dr. Siti Suriani Othman

Chief Editor of Offstone

OFFSTONE BULLETIN EDITORIAL ADVISORY BOARD

ADVISOR

Prof. Dr. Mohd. Yahya Mohamed Ariffin

INTERNATIONAL ADVISORY BOARD MEMBERS

Prof. Dr. Faridah Ibrahim
Profesor/Dean
Art, Communication and Education Faculty,
Infrastructure University Kuala Lumpur, Malaysia

Prof. H. Andi Faisal Bakti
Professor
Faculty of Da'wah and Communication Studies,
UIN Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia

Prof. Dr. Deddy Mulyana
Professor
Faculty of Communication Studies,
Univertiatas Padjajaran, Indonesia

Professor Dr Md Sidin Ahmad Ishak
Professor
Department of Communication,
Universiti of Malaya, Malaysia

Dr. Hamdani M. Syam
Senior Lecturer
Department of Communication,
FSD Universitas Syiah Kuala, Indonesia

OFFSTONE BULLETIN EDITORIAL BOARD

Chief Editor

Dr. Siti Suriani Othman

Managing Editor

Dr. Kartini Kamaruzzaman

Bahasa Melayu Editor

Dr. Rosninawati Hussin

Muhamad Zaki Mustafa

Dr. Siti Suriani Othman

English Language Editor

Dr. Rosidayu Sabran

Dr. Safiyyah Ahmad Sabri

Arabic Language Editor

Dr. Ihab Ahmed Ra'uf Awais

Dr. Wesam A.M. Almahallawi

Sub Editors

Dr. Osama Kanaker

Dr. Sofia Hayati Yusoff

Designer

Al Imran Azmi

CONTENTS

Editor's Note	i-ii
Offstone Bulletin Editorial Advisory Board	iii
Offstone Bulletin Editorial Board	iv
OFFSTONE ARTICLES (BAHASA MELAYU)	
Tiga Pihak Penting Tangani COVID-19 oleh Dr. Siti Suriani Othman	1-3
Media Sosial, Hashtag dan Tindakan Kolektif Mendepani COVID-19 oleh Dr. Kartini Kamaruzzaman	4-6
Potensi dan Cabaran E-Pembelajaran dalam Era COVID-19 oleh Dr. Rosninawati Hussin, Dr. Suria Hani A. Rahman & Dr. Sofia Hayati Yusuff	7-9
Pandemik COVID-19: Inovasi dalam Rangka Kerja dan Peranan Kaunselor Mendepani Norma Baharu oleh Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz, Dr. Nurhafizah Mohd Sukor & Dr. Siti Nubailah Mohd. Yusof	10-14
Paduan Tradisi dan Inovasi Menurut Islam dalam Mendepani Revolusi Industri 4.0 oleh Dr. Khairunneezam Mohd Noor & Muhamad Zaki Mustafa	15-17
Perhubungan Awam: Era Revolusi Industri 4.0 oleh Muhamad Zaki Mustafa, Prof. Dr. Mohd. Yahya Mohamed. Ariffin, Mohd. Faizal Kasmani & Dr. Khairunneezam Mohd Noor	18-20
Isu Kesihatan Mental: Keperluan Penerapan Nilai Islam Dalam Hubungan Menolong oleh Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz	21-23
Hubungan Muslim Kristian di Sabah oleh Dr. Abd Hakim Mohad & Dr. Ros Aiza Mohd Mokhtar	24-26
OFFSTONE ARTICLES (ENGLISH)	
New Norms Amid Movement Control Order of COVID-19 by Dr. Khatijah Othman	27-29
Blessing Knowledge by the Usage of Communication Technology, iPad and Its Effectiveness by Dr. Rosninawati, Dr. Rosidayu Sabran & Dr. Fauziah Hassan	30-32
The Evolving Profession of Journalism in the IR 4.0 by Dr. Fauziah Hassan & Dr. Sofia Hayati Yusoff	33-35
Race and Religion in Malaysian Newspapers by Dr. Safiyyah Ahmad Sabri	36-38
Does Negotiation Really Negotiate? Conflict Resolutions Perspectives by Dr. Norhayati Rafida Abdul Rahim & Dr. Siti Zubaidah Muhammad	39-41
Fan Narratives: A Beginning of Data Volume on Self-Expression of Popular TV Fiction by Assoc. Prof. Dr. Mohd Muzhafar Idrus, Dr. Habibah Ismail, Dr. Nurkhamimi Zainuddin, Dr. Fariza Puteh-Behak, Dr. Ramiaida Darmi, Dr. Noor Saazai Mat Saad, Dr. Suraini Mohd Ali, Siti Salmiah Muhammad & Dr. Nur Kareelawati Abd Karim	42-44
OFFSTONE ARTICLES (ARABIC)	
استراتيجية التواصل بين حرية التعبير وخطاب الكراهية عبر موقع الإعلام الاجتماعي by Ahmad Mohamad Ahmad Alnadi	45-47
الأنماط التجددية في التحرير الصحفي By Asad K. M. Hammouda	48-50

TIGA PIHAK PENTING TANGANI COVID-19

Oleh:



Dr. Siti Suriani Othman

suriani@usim.edu.my

Penulis ialah pensyarah kanan Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau mendapat ijazah doktor falsafah dari Nottingham Trent University pada 2012 dalam bidang kewartawanan; sarjana dalam bidang komunikasi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan sarjana muda dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam bidang media dan kewartawanan.

ABSTRACT

This article criticizes early stage of COVID-19 management in Malaysia and argues that there are at least three most important parties that need to function effectively to combat this deadly virus. They are the government, media and the citizen. Some critiques presented here include the needs for clear instructions and use of terms during crisis management and behaviour of the society.

Pengenalan

Dugaan virus COVID-19 nampaknya akan menjadi tragedi jika tidak kita tangani dengan bijak dan berhemah. Sehubungan itu, tiga pihak penting iaitu kerajaan, media dan rakyat perlu siaga memainkan peranan masing-masing jika kita benar-benar mahu menurunkan rangkaian jangkitan ini. Dala hal ini, pihak kerajaan perlu terkehadapan dari segi keputusan yang diambil untuk kemaslahatan semua.

Komunikasi Jelas

Dari aspek komunikasi, arahan yang dikeluarkan kerajaan perlu jelas. Misalnya, di peringkat awal apabila diumumkan *lockdown*, tidak pula diterangkan dengan jelas secara konseptual yang boleh difahami semua. Kementerian-kementerian juga seolah-olah membantu tidak berupaya memberi cadangan yang melibatkan skop tugas masing-masing supaya rakyat faham apa yang perlu mereka lakukan.

Arahan sepatutnya dikeluarkan oleh kerajaan untuk menggerakkan jentera yang boleh membantu rakyat dalam keadaan yang tersepit ini. Pusat Zakat setiap negeri, boleh mula menghulurkan bantuan kepada mangsa sebagaimana yang dilakukan kerajaan negeri Perlis yang prihatin. Askar dan polis nampaknya hanya mula memainkan peranan setelah *lockdown* bermula dan bukan sebelum itu lagi. Keperlahan dalam tindakan ini menimbulkan panik termasuklah *buying panic* yang berlaku beberapa hari ini serta panik dalam kalangan pelajar IPT yang diarahkan pulang ke kampung kerana IPT ditutup. Panik ini tidak seharusnya berlaku andainya kenyataan-kenyataan dari pihak kerajaan jelas, difahami dan meyakinkan semua.

Dari segi ini, peranan media sangat penting dalam memastikan mesej yang dikongsikan mudah difahami semua peringkat khalayak. Jika ada ketidakjelasan, maka, di peringkat organisasi media perlu memastikan mesej yang disampaikan disemak semula dari sumber berita yang berautoriti dan tepat maklumatnya. Di sinilah peranan media yang boleh mengangkat kredibilitinya semula dan menjadi rujukan semua berbanding media sosial yang popular, tetapi diragui maklumat yang dikongsikan.

Kepada rakyat Malaysia pula, berderu-deru mesej *WhatsApp* yang menunjukkan pelbagai kerentenan masyarakat terutama yang degil. Ramai yang masih menjalankan aktiviti harian seperti biasa, mungkin juga kerana tidak faham konsep *lockdown* yang diumumkan. Ramai lagi yang tidak memakai topeng muka apabila keluar rumah, tidak membasuh tangan dengan kerap apa lagi menggunakan *sanitizer*. Seminggu sebelum *lockdown* diumumkan misalnya, masih ramai yang berkumpul dengan pelbagai aktiviti kenduri sedangkan statistik jangkitan telah dicatatkan.

Penutup

Kita harus berdisiplin dan belajar dari Wuhan bagaimana mereka berjaya mengurangkan rangkaian jangkitan membunuh ini dengan jayanya. Kuncinya adalah komunikasi dari pihak kerajaan yang jelas, peranan media yang berkesan dan rakyat yang berdisiplin. Sehingga artikel ini ditulis, Malaysia mendapat pujian dari segi pengurusan wabak ini, tetapi kita harus sentiasa berhati-hati dan tidak terleka dengan pencapaian hari ini jika benar-benar ingin memastikan kita berjaya melawan COVID-19. Sehingga artikel ini diterbitkan, nampaknya kita diduga lagi dengan peningkatan statistik positif COVID-19 yang kian memuncak.

BIBLIOGRAFI

- Bernama, 2020, Petugas bendung Covid-19 layak diberi zakat: Mufti Perlis, 17 Mac 2020,
<https://www.sinarharian.com.my/article/74214/KHAS/Koronavirus/Petugas-bendung-Covid-19-layak-diberi-zakat-Mufti-Perlis>
- Firdaus Azil, 2020. COVID-19: Jangan risikokan pelajar, kata Dr Noraini kepada pengurusan IPT
- Firdaus Azil, Astro Awani, 17 Mac 2020.
<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-jangan-risikokan-pelajar-kata-dr-noraini-kepada-pengurusan-ipt-234023>
- n.a. Communicating During Crisis is Different,
https://emergency.cdc.gov/cerc/resources/pdf/leaders_cerc_zcard.pdf
- Zanariah Abd Mutualib, 2020. FOMCA mintahentikan pembelian panik, 17 Mac 2020,
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666135/fomca-minta-hentikan-pembelian-panik>

MEDIA SOSIAL, HASHTAG DAN TINDAKAN KOLEKTIF MENDEPANI COVID-19

Oleh:



Dr. Kartini Kamaruzzaman

kartinkamaruzzaman@usim.edu.my

Penulis adalah pensyarah kanan, program Komunikasi Media Baharu, FKP, USIM. Beliau mendapat pendidikan doktor falsafah di University of Leicester, United Kingdom (UK), dalam jurusan Media, Komunikasi dan Sosiologi. Minat kajian beliau adalah media digital, tindakan dan identiti kolektif dan pergerakan sosial.

ABSTRACT

The use of hashtag on social media has played a significant role in communicating messages and information related to COVID-19. It can possibly contribute to the formation of shared values and collective action in online sphere. This article also draws on Islamic perspectives and discusses how Muslims could appropriate digital media and collectively act alongside the Malaysian community against the pandemic.

Pengenalan

Dalam mengkomunikasikan mesej mendepani wabak COVID-19, kerajaan Malaysia turut mengambil langkah menyampaikan maklumat melalui media sosial mengambil kira 25 juta dari 32.25 juta jumlah penduduk Malaysia sebagai pengguna aktif dalam talian seperti yang dilaporkan oleh statistik Digital 2019. Mesej dalam talian “Nak jadi superhero bukan susah, hanya perlu #DudukRumah” dengan penggunaan kata pagar turut disertakan dalam sebuah poster digital yang dimuat naik di laman web rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia. Ia menyatakan seruan kerajaan kepada masyarakat Malaysia untuk bersama membendung penularan wabak COVID-19 melalui aktiviti untuk kekal di rumah.

Media Sosial dan Tindakan Kolektif

Penggunaan rangkaian media sosial untuk menyampaikan dan mendapatkan mesej berkaitan coronavirus merupakan satu kaedah komunikasi penting dalam era digital. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Kementerian Kesihatan Malaysia, begitu aktif menggunakan

media sosial seperti Twitter, Facebook dan Instagram untuk membuat hebahan terkini berkaitan COVID-19. Penggunaan kata pagar dan kata kunci '#DudukRumah' dilihat menjadi kelaziman dalam proses tersebut. Terdapat tiga fungsi utama penggunaan kata pagar di media sosial. Pertama, ia membantu mengumpul maklumat yang pelbagai dan berbeza format. Kedua, ia berfungsi sebagai label untuk memudahkan komuniti dalam talian mencari sesuatu maklumat atau terlibat dalam sesuatu perbualan. Ketiga, ia memperluaskan rangkaian pengguna yang mempunyai kecenderungan pada kata kunci yang sama.

Ketika pandemik COVID-19 melanda, kita dapat melihat sebilangan besar masyarakat Malaysia menggunakan kata pagar dan kata kunci yang sama untuk memuat naik pesanan di media sosial. Ada antara kita turut memainkan peranan sosial dengan mengingatkan orang ramai akan kepentingan untuk duduk di rumah. Dr. Gee Teak Sheng, perunding pakar bedah neurologi dan tulang belakang di Hospital Pulau Pinang, menggunakan Facebook peribadinya untuk mengingatkan rakyat Malaysia supaya terus tinggal di rumah. Pesanan ringkas "Saya tetap berkerja untuk ada, anda duduk di rumah untuk kami" berserta gambar petugas kesihatan yang disusuli dengan kata pagar #DudukRumah mendapat 68,000 perkongsian dan 18,000 tanda suka dari pengguna media sosial.

Jika dilihat secara kritis, penggunaan '#DudukRumah' bukan sekadar digunakan untuk menyebar dan mendapatkan maklumat berkaitan topik perbincangan yang sama, ia sebenarnya memberi ruang kepada masyarakat Malaysia untuk menunjukkan penglibatan mereka secara dalam talian dan menjadi sebahagian dari komuniti tersebut menerusi tindakan dan pembentukan identiti bersama. Dari sudut positif dan kreatif, penggunaan '#DudukRumah' boleh menjadi simbol, lambang dan imej kebersamaan masyarakat Malaysia dalam mendepani COVID-19.

Islam menganjurkan kita untuk menerapkan nilai kebersamaan dan kesefahaman yang dipupuk melalui rasa saling memerlukan ketika mengharungi musibah kehidupan. Perkara ini dijelaskan oleh an-Nu'man bin Basyir RA dalam hadis riwayat al-Bukhari: "Perumpamaan seseorang Mukmin sesama Mukmin dalam hal saling mencintai, mengasihi dan menyayangi seumpama satu badan. Apabila ada salah satu anggota badan yang menanggung kesakitan, maka seluruh badannya akan turut terjaga dan terasa panas sakitnya". Nilai kebersamaan adalah penting untuk kita mencapai kata sepakat dan kejayaan dalam menangani virus penyebab penyakit berjangkit ini. Walaupun tidak disebut secara langsung berkenaan penggunaan teknologi dan media sosial dalam al-Quran atau hadis, Islam telah memberikan panduan asas berkenaan perkara tersebut. Dalam Surah al-Luqman, ayat ke 17, Allah berfirman: "Dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada

melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu.”

Penutup

Kita bukan sahaja dinasihatkan supaya tetap bersabar ketika dilanda musibah, bahkan prinsip Islam yang menyuruh berbuat kebaikan dan mencegah perkara yang dilarang agama perlu menjadi kompas aktiviti harian kita. Dalam mendepani COVID-19, kita perlu berpandukan kepada dua sumber utama tersebut dan menggunakan pelbagai medium komunikasi untuk manfaat ummah dan masyarakat sejagat.

BIBLIOGRAFI

- Astro Awani, 2019. Jumlah Penduduk Malaysia Pada 2019 Dianggarkan 32.6 Juta, 15 Julai 2019, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jumlah-penduduk-malaysia-pada-2019-dianggarkan-32-6-juta-212693>
- Berita Harian Online, 2019. Kadar penembusan media sosial Malaysia tertinggi di Asia Tenggara, 31 Januari 2019, <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/01/526175/kadar-penembusan-media-sosial-malaysia-tertinggi-di-asia-tenggara>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2017. Nilai Kebersamaan Dalam Islam, 12 Disember 2017, <http://www.islam.gov.my/e-hadith/1267-nilai-kebersamaan-dalam-islam>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2020. Duduk Rumah, Basuh Tangan dan Amalkan Penjarakan Sosial, 25 Mac 2020, <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/duduk-rumah-basuh-tangan-dan-amalkan-penjarakkan-sosial/>
- The Star, 2020. COVID-19: Two Malaysia Hashtags, Including #StayAtHome, Trending in the Country, 19 Mac 2020, <https://www.thestar.com.my/news/regional/2020/03/19/covid-19-two-malaysia-hashtags-including-stayathome-trending-in-the-country>

POTENSI DAN CABARAN E-PEMBELAJARAN DALAM ERA COVID-19

Oleh:



Dr. Rosninawati Hussin, Dr. Suria Hani A. Rahman & Dr. Sofia Hayati Yusuff

[nina@usim.edu.my](mailto:ninahussin@usim.edu.my)

Penulis pertama ialah Rosninawati Hussin, merupakan seorang pensyarah kanan di USIM. Memegang jawatan sebagai Ketua Program Komunikasi di FKP, USIM. Beliau merupakan pensyarah dalam bidang komunikasi massa dan kursus Penulisan Skrip merupakan antara subjek yang diajar.

ABSTRACT

E-Learning has been introduced at school levels since early 21st century. However, its implementation was not very popular until recently when the world has been hit by a coronal pandemic known as COVID-19. This article looks at potential growths and challenges of implementing e-Learning in schools. The effectiveness of online learning methods for teachers and students is a preliminary result of this study.

Pengenalan

COVID-19 muncul buat pertama kalinya pada bulan November 2019 di wilayah Hubei, China. Semenjak itu, penularan COVID-19 semakin berleluasa, sehingga menyebabkan masyarakat dunia terpaksa menukar gaya kehidupan yang biasa. Di Malaysia, negara telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mengehadkan pergerakan rakyat bagi memutuskan rantaian penyebaran virus yang membawa maut ini. Pelaksanaan PKP ini mewujudkan satu norma baru disusuli dengan beberapa prosedur operasi standard (SOP) yang perlu dipatuhi. Ketika fasa awal perlaksanaan PKP juga hampir semua tempat awam seperti sekolah, rumah ibadat, pusat-pusat rekreasi, premis perniagaan kecuali pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barang keperluan harian diarahkan tutup. Susulan penutupan premis-premis ini, tidak bermakna operasi mereka juga terhenti. Contohnya sekolah dan universiti, pembelajaran atas talian atau e-pembelajaran tetap diteruskan seperti biasa untuk memastikan silibus untuk penggal tersebut dapat disempurnakan.

E-Pembelajaran

Sorotan literatur mengenai e-pembelajaran banyak membincangkan tentang kebaikan kaedah ini. Antaranya, Dr. Hargis dan rakan-rakan penyelidiknya melihat e-pembelajaran adalah satu proses pembelajaran yang efektif dan efisien. Kaedah pembelajaran sebegini, menurut Pakar Pendidikan Singapura, Dr. Hui Yong Tay lebih terbuka dan masa pelajar yang diperuntukkan untuk belajar juga lebih anjal dan fleksibel. Kenyataan Dr. Hui turut disokong oleh sekumpulan penyelidik dari Universitas Raharja, Banten, Indonesia yang diketuai oleh Dr. Rano Kurniawan yang menekankan kelebihan e-pembelajaran boleh dilakukan di mana-mana saja dan pada bila-bila masa. Pembelajaran begini mendidik pelajar untuk lebih berdikari belajar mengikut masa sendiri. Kaedah ini juga menjadikan seseorang pelajar itu lebih berkeyakinan dan boleh meningkatkan produktiviti dalam pelajaran mereka.

Memandangkan musim COVID-19 ini menuntut semua pelajar sekolah dan guru-guru meneruskan silibus pembelajaran dari rumah, beberapa aplikasi seperti *Zoom*, *Skype*, *MS Team*, *Google Hangout*, *Whatsapp*, *Google Meet* dan macam-macam lagi aplikasi ada disediakan untuk menyokong e-pembelajaran ini. Cuma, menurut satu temubual dengan seorang guru dari Melaka, Cikgu Izzat Khairil, beliau berpendapat guru-guru perlu diberi lebih banyak latihan (dalam talian) berkaitan aplikasi ini untuk memantapkan lagi kelas-kelas e-pembelajaran. Cikgu Izzat juga melihat hikmah COVID-19 daripada sudut positif iaitu, amalan norma baharu ini membantu para guru menyokong hasrat kerajaan untuk mengimplementasikan pendidikan Revolusi Industri 4.0 kepada generasi kini. Tidak dinafikan, wujud beberapa cabaran seperti akses internet yang agak terhad yang turut menjelaskan kelancaran kelas. Cabaran ini turut dikongsi oleh Abdul Azim, pelajar Tingkatan 3 dari sebuah sekolah di Melaka. Beliau menambah, mendisiplinkan diri juga antara cabaran yang dihadapi dalam kalangan pelajar. Ini disebabkan pembelajaran dari rumah, meletakkan mereka dalam zon yang selesa menyukarkan mereka mengawal masa tidur, masa bermain permainan video serta masa rehat.

Penutup

Ternyata COVID-19 merubah norma kehidupan setiap orang di dunia ini. Begitu juga dengan perubahan pembelajaran dari dalam kelas di sekolah ke platform dalam talian untuk anak-anak yang masih di bangku sekolah dilihat agak mencabar, bukan sahaja untuk guru, pelajar, malah ibubapa. Tetapi, kebaikannya tetap ada. Pelajar-pelajar sekolah dapat dididik selari dengan perkembangan dunia semasa dalam melengkapi keperluan Rovolusi Industri 4.0.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Azim, A. (2020, May 9). Temubual dalam talian.
- Hargis, J., Cavanaugh, C., Kamali, T. & Soto, M. (2014). A Federal Higher Education iPad Mobile Learning Initiative: Triangulation of Data to Determine Early Effectiveness. *Innovative Higher Education*, 39(1), 45-57.
- Hui, Y. T. (2016). Longitudal Study on Impact of iPad Use on Teaching and Learning. *Cogent Education* 3, 1-22.
- Izzat Khairil, S. (2020, May 9). Temubual dalam talian.
- Kes pertama COVID-19 didaftarkan di China pada November bukan Disember. (2020, Mac 13). *BERNAMA*. Retrieved from https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1820973s
- Rano K., Henderi, & Fitria, N. (2012). Penggunaan iPad Mendukung Pembelajaran Pada Mahasiswa iLearning. Retrieved from <http://fitria.ilearning.me/wp-content/uploads/sites/908/2014/02/Penggunaan-iPad-Mendukung-Pembelajaran-pada-Mahasiswa-iLearning.pdf>.

**PANDEMIK COVID-19: INOVASI DALAM RANGKA KERJA DAN PERANAN
KAUNSELOR MENDEPANI NORMA BAHARU**

Oleh:



Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz @Dorashid, Dr. Nurhafizah Mohd Sukor & Dr. Siti Nubailah
Mohd. Yusof

rashid@usim.edu.my

Penulis pertama ialah Abdul Rashid bin Abdul Aziz. Beliau berkhidmat sebagai pensyarah kanan Program Kaunseling, FKP, USIM. Beliau memperoleh ijazah doktor falsafah dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling. Kepakaran beliau adalah dalam bidang kaunseling, psikologi positif, kesihatan mental dan kaedah penyelidikan. Setakat ini, beliau telah menghasilkan pelbagai penulisan termasuklah artikel dalam jurnal berwaspit, prosiding akademik, buku akademik, bab dalam buku dan lain-lain lagi.

ABSTRACT

This paper explores the impact of COVID-19 outbreak on individual psychological issues, together with innovations and the role of counselors in helping through various platforms available to face these emerging norms.

Pengenalan


Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengumumkan pandemik COVID-19 sebagai masalah kesihatan awam dunia. Sehingga artikel ini ditulis, wabak COVID-19 telah mencatat lebih 3 juta kes dengan angka kematian 272,859 orang serta melibatkan 215 buah negara yang terjejas di seluruh dunia, manakala di Malaysia, berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020 pula mencatatkan jumlah kes sebanyak 6656 dan 108 kematian. Penularan wabak COVID-19 ini telah memberi impak kepada semua aspek kehidupan. Malah, transisi kepada norma baharu juga memberi kesan psikologi kepada manusia sehingga ramai orang berasa cemas, tertekan, bimbang dan takut dijangkiti wabak ini. Individu yang menjalani isolasi juga menunjukkan simptom tekanan. Ternyata setiap daripada kita adalah berisiko terdedah kepada masalah mental. Namun tidak dinafikan terdapat golongan tertentu yang berisiko lebih tinggi untuk mendapatnya. Antaranya adalah golongan warga emas, golongan

yang mempunyai penyakit kronik yang berisiko tinggi, kanak-kanak, remaja, mereka yang mempunyai masalah kesihatan mental yang sedia ada dan juga mereka yang terlibat dalam mengawal penularan wabak dan menjagaan kesihatan pesakit khususnya pegawai perubatan, jururawat, pegawai farmasi dan ramai lagi. Norma baharu ini juga menuntut kepada arus perubahan dalam hubungan membantu.

Tekanan Semasa Wabak COVID-19

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada tekanan semasa norma baharu wabak COVID-19 melanda seperti faktor ekonomi (kehilangan sumber pendapatan akibat tidak dapat keluar bekerja seperti biasa), faktor makanan, kemudahan ubat-ubatan dan peralatan perubatan yang terhad, faktor kebimbangan akibat informasi palsu yang tersebar di media sosial, faktor isolasi di rumah tanpa aktiviti sosial, bahkan faktor yang kritikal ketika wabak melanda adalah melibatkan ramai barisan hadapan (*frontliner*) seperti pegawai perubatan, jururawat dan petugas kesihatan yang lain telah mengalami, ‘burn out’, depresi, stres dan kebimbangan semasa berlakunya wabak penyakit.

Ada antara mereka yang terlalu letih kerana terpaksa bekerja lebih waktu untuk merawat pesakit sehingga tidak dapat pulang ke rumah berjumpa ahli keluarga hingga mengalami ketidakstabilan emosi. Tekanan juga berlaku dalam kalangan pesakit dan ahli keluarga yang dijangkiti wabak ini. Justeru, kekurangan penyediaan kumpulan sokongan dan perkhidmatan kesihatan mental dilihat bakal memburukkan lagi wabak COVID-19 di negara kita. Hal ini kerana proses adaptasi dengan norma baharu menyebabkan individu mula bergelut dengan banyak ketidakpastian sepanjang tempoh mereka diasingkan sekaligus menimbulkan rasa kebosanan, kesepian dan kemarahan. Justeru, orang ramai dinasihatkan supaya lebih peka terhadap penjagaan diri serta aspek kesihatan mental mereka dan keluarga. Rentetan itu, untuk mengurangkan tekanan yang dialami, individu hendaklah berhubung dan mendapatkan khidmat kaunselor untuk berkongsi isu, kebimbangan dan masalah yang dihadapi dalam berhadapan dengan wabak COVID-19 ini. Rajah di bawah menunjukkan tekanan psikologi yang terhasil dari dua situasi melibatkan wabak COVID-19.



Rajah 1: Tekanan terhasil daripada wabak COVID-19

Keperluan Kaunseling Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial: Peranan Kaunselor

Kini sudah tiba masanya para ahli psikologi, kaunselor dan mana-mana individu yang terlibat dalam hubungan membantu turun padang bagi mendekati mereka yang mengalami masalah kesihatan mental berikutan penularan wabak COVID-19 ini. Merujuk pengalaman yang berlaku di negara China, mereka menghantar ahli psikologi dan kaunselor ke hospital dan pusat kesihatan yang terlibat untuk memberi khidmat psikososial seperti sokongan, intervensi dan aktiviti bimbingan, malah ahli terapi dan kaunselor turut memberi bantuan emosi secara talian telefon (*hotline*) untuk menampung permintaan yang meningkat dengan drastik apabila wabak COVID-19 mengubah kehidupan normal penduduk.

Di samping itu, isu kesihatan mental yang menjadi polemik masa kini mencatat lebih dari 300 juta penderita di seluruh dunia dan angka tersebut kian meningkat. Malah wabak COVID-19 yang berlaku sebagai pandemik terbesar meragut nyawa abad ini telah turut sama mengubah pola dan gaya hidup masyarakat sehingga memberi kesan kepada kesihatan mental. Senario yang berlaku menuntut kepada suntikan inovasi dan usaha berterusan dalam proses membantu serta intervensi kaunseling supaya ianya bersesuaian dengan situasi masa kini. Selain daripada wabak yang berlaku, cabaran dalam perkembangan teknologi global juga mempengaruhi aspek psikologi dan tingkah laku individu. Ini selaras dengan Dasar Kesihatan Mental Negara yang mensasarkan beberapa objektif dalam melahirkan masyarakat seimbang dan sihat daripada segi psikologi yang antara objektifnya adalah menyediakan suatu asas,

strategi perancangan dan pelaksanaan baru bagi program-program yang bertujuan untuk memperbaiki aspek kesihatan mental dan kesejahteraan rakyat, memperbaiki perkhidmatan kesihatan mental bagi populasi yang menghadapi risiko dan berusaha membekalkan penjagaan kesihatan mental kepada semua pihak melalui kempen dan program yang dijalankan ini.

Namun begitu, objektif ini hendaklah disantuni dengan program-program cakna remaja dan penderita masalah ini yang mana adaptasi perlu dibuat dengan kehendak golongan muda banyak menggunakan jaringan media sosial serta secara dalam talian (*online and internet-based*) sebagai medium utama perhubungan. Sekaligus usaha ini dapat mendekati lapangan (*reach to the ground*) individu yang memerlukan khidmat dan bantuan kesihatan mental. Bahkan, apa yang dilakukan semasa norma baharu ini juga perlu dipergiatkan melalui saluran yang sama iaitu secara atas talian seperti e-kaunseling, buku dan brosur digital, internet dan laman web yang dikhkususkan untuk bantuan dan khidmat sokongan.

Penutup

Dalam mendepani Revolusi Industri 4.0 dan wabak yang sedang melanda ini, pelbagai kaedah harus diteroka dan digunakan bagi memastikan sokongan sosial dan bantuan dapat diberikan kepada semua pihak melalui medium teknologi digital. Apatah lagi semasa wabak COVID-19 ini memerlukan pengembangan usaha daripada banyak pihak untuk turut sama membantu pihak kerajaan dalam menangani impak berikutnya masalah ini. Meskipun pelbagai usaha telah dijalankan kerajaan, setiap individu terutamanya mereka yang terlibat dalam hubungan menolong dan kaunseling haruslah memainkan peranan penting sebagai ‘ejen’ positif bagi memastikan kestabilan dan kesihatan mental rakyat Malaysia berada pada tahap yang baik.

BIBLIOGRAFI

Brooks, S. K., Dunn, R., Amlot, R., Rubin, G.J., & Greenberg, N. (2018). A systematic, thematic review of social and occupational factors associated with psychological outcomes in healthcare employees during and infectious disease outbreak. *Journal of Occupational and Environmental Medicine*, 60 (3), 248-257.

Li J-B, Yang A, Dou K, Cheung RY. (2020) Self-control moderates the association between perceived severity of the coronavirus disease 2019 (COVID-19) and mental health problems among the Chinese public. *PsyCOVID*.

Malaysia: Garis Panduan Dasar Kesihatan Mental Negara. Kementerian Kesihatan Malaysia. Capaian pada 5 Mei 2020 di <https://www.moh.gov.my/>

Pertubuhan Kesihatan Sedunia-World Health Organization (2020). Capaian pada 8 Mei

2020 di <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019>

PADUAN TRADISI DAN INOVASI MENURUT ISLAM DALAM MENDEPANI CABARAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0

Oleh:



Dr. Khairunneezam Mohd Noor & Muhammad Zaki Mustafa

neezam@usim.edu.my

Khairunneezam bin Mohd Noor merupakan pensyarah dalam Program Dakwah dan Pengurusan Islam, FKP, USIM. Bidang kepakarannya adalah pengurusan dan pembangunan sumber manusia serta gelagat organisasi. Banyak terlibat dalam penulisan popular di media cetak dan sering diundang untuk menjadi penceramah di sektor kerajaan, swasta dan NGO di seluruh negara.

ABSTRACT

The article explores the existence of tradition and how it could be synergized with innovation in confronting the challenges of the Industrial Revolution 4.0. Innovation is a pertinent key for anyone to be successful in his or her endeavor, as has been proved by past Islamic scholars like al-Farabi and al-Battani which always aligns with the needs of maqasid al shari'ah.

Pengenalan

Tradisi atau adat dalam pengertian yang paling mudah adalah sesuatu yang telah dilakukan sejak sekian lama dan menjadi sebahagian daripada kehidupan sesuatu masyarakat. Menurut Sidi Gazalba, tradisi seringkali berpindah tangan daripada satu generasi ke generasi yang lain melalui pembudayaan aktiviti harian, penceritaan lisan, mahupun secara bertulis. Namun, tradisi adakalanya menyebabkan sesuatu keadaan itu statik, jumud dan tiada elemen pembaharuan. Tidak kena gayanya, tradisi menghalang pembangunan dan perubahan, mendidik generasi tidak berkeupayaan dan menjadi seumpama ‘katak di bawah tempurung’, tiada daya usaha, dan merencatkan fikiran. Ada tradisi yang jelik, tapi atas nama ‘pewarisan’, ia harus ditelan secara totok.

Namun, atas kesedaran sesetengah pihak, maka terbinalah usaha untuk melentur logiknya tradisi, demi membuatkan kesan yang baik dalam kehidupan. Mereka mengadun citra dalam tradisi melalui pengubahsuaian demi kebaikan ummah dan membuatkan hasil yang bermakna melalui inovasi. Kamus Dewan mendefinisikan inovasi sebagai ‘sesuatu yang

baharu diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat, dan seumpamanya yang baharu'. Begitu jualah dalam urusan kehidupan manusia, sememangnya sesuatu yang telah menjadi adat atau tradisi akan mengalami proses transformasi dari semasa ke semasa melalui usaha-usaha inovasi yang tuntas dan menambah baik proses dan hasil.

Sebagai contoh, komunikasi intra dan inter organisasi pada suatu ketika bersifat sangat terhad dan formal berpaksikan helaian surat atau telegram. Kesannya adalah komunikasi kurang lancar dan mengambil masa, yang membentuk kepincangan kepada kelancaran kerja dan mutu perkhidmatan. Namun, dengan suntikan inovasi melalui penggunaan ICT yang pesat, komunikasi sekarang adalah 'di hujung jari' dan sofistikated apatah lagi dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) kini. Ternyata, dengan inovasi, impak positif terserlah dalam kerja yang lebih efektif dan efisien.

Kita seharusnya memiliki pandangan menyeluruh mengenai dampak positif inovasi terhadap kehidupan manusia terutama dalam mendepani cabaran IR 4.0 ini. Ada pandangan tertentu dalam kalangan masyarakat bahawa inovasi mencemar kesucian dan kemurnian leluhur tradisi. Inovasi ditafsir sebagai usaha mengubah kebiasaan dan adat yang dipegang daripada generasi ke generasi yang mampu membunuh peradaban bahkan nilai keislaman. Begitupun, selagi tidak mengubah rukun, syarat dan hukum dalam ibadah, inovasi tidak dianggap bidaah dalam Islam. Islam sangat menekankan kemampuan umatnya untuk berinovasi dalam ruang lingkup yang mematuhi *Maqasid al-Syariah* iaitu pemeliharaan agama (*hifz al-din*), jiwa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-aql*), keturunan (*hifz al-nas*), dan harta (*hifz al-mal*). Kemudian, sebarang inovasi yang menyantuni *Maqasid al-Syariah* ini walaupun ia mungkin tidak sehaluan dengan tradisi setempat, tetap diraikan oleh Islam. Rasulullah SAW bersabda, "Barang siapa melakukan hal baharu yang baik maka ia mendapat pahalanya dan mendapat pula pahala orang lain yang mengerjakan hal baharu yang baik itu." (Riwayat Muslim).

Ini memberikan isyarat yang jelas bahawa sesiapa yang berupaya untuk membawa sesuatu penambahbaikan dalam apa sahaja pun perkara dengan berkreativiti dan berinovasi, selagi ia adalah demi kemaslahatan ummah, maka ganjaran pahalalah yang akan diterima oleh seseorang itu. Lihat sahajalah ilmuan-ilmuan Islam yang tersohor kerana ketinggian nilai keimanan dan keluasan ilmu pengetahuan serta kehebatan penemuan-penemuannya. Misalnya, al-Farabi dengan inovasi ilmu matematik, teologi, politik dan ilmu logik dan al-Battani dalam ilmu astronomi, trigonometri dan mental aritmetik. Inilah tokoh-tokoh hebat yang berjaya menjulang nilai tradisi dan dalam masa yang sama mampu mengembangluaskan ilmu pengetahuan melalui proses berevolusi dan berinovasi. Sehinggakan, umat manusia di seluruh dunia menerima kesan positif hasil penemuan dan ilmu mereka. Para ilmuan Islam ini

seakan-akan mewariskan kepada kita akan kepentingan sinergi roh yang ada dalam tradisi dengan tenaga yang dibawa dalam inovasi seperti mana peribahasa Melayu, ‘yang lama dikelek, yang baharu didukung’.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an.

Mohamed Naim, A. (2003). *Maqasid Syariah Dan Pemikiran Pengurusan Islam*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Mohd Noor, K. (2017). Mencetus Evolusi Kehidupan Mampan, Harian Metro, retrieved via: <https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20170919/283270277952217>

Sidi Gazalba (1968). *Pengantar Kebudayaan Sebagai Ilmu: Untuk Tingkat Pengetahuan Menengah dan Perguruan Tinggi*, Jakarta: Pustaka Anatara.

PERHUBUNGAN AWAM: ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0

Oleh:



Muhamad Zaki Mustafa, Prof. Dr. Mohd. Yahya Mohamed Ariffin, Prof. Madya Mohd. Faizal Kasmani & Dr. Khairunneezaam Mohd Noor

zaki@usim.edu.my

Penulis pertama ialah Pensyarah Program Komunikasi, FKP, USIM. Kepakaran beliau adalah dalam bidang perhubungan awam, komunikasi, dakwah dan media baharu. Setakat ini telah menghasilkan penerbitan termasuk buku akademik, bab dalam buku, prosiding akademik dan artikel dalam jurnal berwaspit/berimpak.

ABSTRACT

This article discusses the future of the Malaysian public relations industry and the extent to which it is relevant and growing in line with political, social, domestic and international growth. This is important given that the activities and industries of the public relations industry in the country have been around for a long time before Malaysia achieved independence.

Pengenalan

Pada masa ini, pencarian bakat dan tawaran pekerjaan oleh pihak industri terhadap lulusan perhubungan awam masih berlaku di negara ini. Tambahan pula, banyak universiti dan institusi pengajian tinggi tempatan masih menawarkan program perhubungan awam di peringkat diploma atau sarjana muda. Pengamal serta pelajar perhubungan awam pada masa kini dan akan datang akan menghadapi cabaran yang begitu sengit dengan adanya teknologi-teknologi terkini seperti media sosial serta data raya serta cabaran berita palsu. Mereka mestilah melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran ini dengan secukupnya dalam menghadapi masa depan perhubungan awam yang lebih mencabar.

Kemahiran Baharu dalam Perhubungan Awam

Perubahan yang berlaku dalam ekonomi dan teknologi khususnya era Revolusi Industri 4.0 turut dirasai dalam industri perhubungan awam. Pengamal perhubungan awam perlu mengubah cara kerja dan kemahiran tradisi kepada tuntutan semasa dan masa hadapan supaya tidak tertinggal dengan ledakan Industri 4.0.

The *Annual Global Communications Report* pada 2016 menyenaraikan beberapa kemahiran yang perlu dikuasai oleh pengamal perhubungan awam masa kini seperti kemahiran penulisan, perancangan strategik, kepakaran media sosial dan pembangunan kandungan multimedia. The *Annual Global Communication Report* pada 2017 pula menyenaraikan trend penting yang bakal memberi impak kepada masa depan perhubungan awam. Berdasarkan kajian daripada profesional perhubungan awam menunjukkan *digital storytelling* merupakan impak yang paling tinggi iaitu (88%), *Social Listening* (82%), *Social Purpose* (71%), *Big Data* (70%), *Behavioral Research* (65%), *Influencer Marketing* (65%), *Branded Content* (61%), *Live Streaming* (56%), *Artificial Intelligent* (43%), *Virtual Reality* (35%) dan akhir sekali *Fake News* (36%). Ini adalah antara pengetahuan dan kemahiran yang perlu ada atau perlu difahami dan ditangani oleh setiap pengamal dan juga pelajar perhubungan awam untuk menghadapi ketidakpastian masa hadapan.

Data Raya dan Perhubungan Awam

Data Raya adalah satu contoh yang telah mengubah dan merevolusi profesyen perhubungan awam. Menurut Weiner dan Kochhar dalam penulisan mereka di *IPR WhitePaper*, data raya membolehkan pegawai perhubungan awam lebih memahami gelagat pemegang taruh masing-masing termasuk pesaing mereka, sekaligus mengoptimumkan sasaran komunikasi dan output yang dihasilkan. Walaupun potensi data raya dalam bidang perhubungan awam adalah besar, namun nampaknya peluang dan cabaran bidang tersebut masih belum diterokai sepenuhnya. Dalam sebuah jurnal antarabangsa komunikasi korporat, pengkaji Wiencierz dan Röttger menyatakan kurangnya model komunikasi berkaitan penggunaan data raya terutama bagi pengamal perhubungan awam. Model komunikasi bagi data raya ini adalah penting bagi pengamal perhubungan awam untuk mengaplikasikan data tidak berstruktur dan kompleks dalam merangka strategi.

Penutup

Masa hadapan industri perhubungan awam di Malaysia masih relevan seiring dengan pertumbuhan ekonomi domestik dan antarabangsa. Kemunculan Industri 4.0 serta teknologi komunikasi baharu seperti media sosial dan data raya memerlukan pengamal perhubungan awam yang kreatif dan inovatif, mahir dalam penulisan selain bekerja secara berpasukan dalam melaksanakan tugas masing-masing. Di pihak industri, pencarian bakat dan tawaran pekerjaan terhadap lulusan perhubungan awam masih berlaku di negara ini dan di peringkat global. Malahan, banyak universiti dan institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara masih menawarkan program atau kursus perhubungan awam di peringkat diploma atau sarjana muda. Ini menunjukkan bidang ini masih diperlukan di peringkat tempatan mahupun

antarabangsa. Namun, portfolio tugas pengamal perhubungan awam yang diperlukan di industri sudah berubah berasaskan trend semasa dan tentunya institusi pengajian tinggi perlu cakna tentang perkara ini.

BIBLIOGRAFI

- Weiner, M., & Kochhar, S. (2016). Irreversible: The public relations big data revolution (IPR white paper). Gainesville, FL: Institute for Public Relations.
- Wiencierz, C. & Röttger, U. (2017). The use of big data in corporate communication. *Corporate Communications: An International Journal*, 22(3), 258-272. <https://doi.org/10.1108/CCIJ-02-2016-0015>
- The Annual Global Communications Report* (2016), <https://weforum.org/reports/the-global-information-technology>. Akses pada 20 Januari 2020
- The Annual Global Communications Report* (2017) <https://annenberg.usc.edu/.../global-communications-report>. Akses pada 20 Januari 2020

ISU KESIHATAN MENTAL: KEPERLUAN PENERAPAN NILAI ISLAM DALAM HUBUNGAN MENOLONG

Oleh:



Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz @Dorashid

rashid@usim.edu.my

Abdul Rashid bin Abdul Aziz berkhidmat sebagai pensyarah kanan Program Kaunseling, FKP, USIM. Beliau memperoleh Ijazah doktor falsafah dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling. Kepakaran beliau adalah dalam bidang kaunseling, psikologi positif, kesihatan mental dan kaedah penyelidikan. Setakat ini, beliau telah menghasilkan pelbagai penulisan termasuklah artikel dalam jurnal berwaspit, prosiding akademik, buku akademik, bab dalam buku dan lain-lain lagi.

ABSTRACT

This article aims to look at the global polemics of mental illness with the latest data and statistical reports. In addition, this paper also aims to analyze the need of religious (Islamic) values in helping relationships that involve mental health disorders.

Pengenalan

Dalam wawasan kemakmuran bersama 2030, kerajaan ingin membina indikasi modal sosial dan perkembangannya yang antara lain menggariskan indeks kesejahteraan rakyat sebagai salah satu matlamat pelan teras strategik ini. Hasrat ini juga telah disuarakan oleh Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye, bahawa Malaysia perlu mempunyai indeks tersendiri bagi menilai kesejahteraan psikologi rakyat dalam melahirkan individu yang seimbang dari aspek jasmani, emosi dan rohani. Meskipun laporan indeks kesejahteraan psikologi pada pertengahan 2020 mencatat angka sederhana pada julat 7.1, namun tinjauan yang dilakukan Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati bahawa pola kenaikan sebanyak dua kali ganda telah berlaku dalam isu melibatkan kesihatan mental di Malaysia. Kajian Kesihatan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) yang dijalankan pada 2015 dan 2017 pula mendapati berlaku peningkatan dalam masalah kesihatan mental setiap tahun, bahkan remaja berusia 16-19 tahun mencatat kenaikan

sehingga 34.7 peratus, manakala individu berusia 16-24 tahun pula dilaporkan mempunyai keinginan bunuh diri (*suicidal ideation*). Justeru, polemik kesihatan mental ini menuntut keperluan kepada integrasi nilai baharu yang ampuh bagi mendepani cabaran dan kelangsungan generasi pada masa hadapan.

Kesihatan Mental daripada Perspektif Islam

Masyarakat Islam tidak terlepas daripada gejala gangguan mental yang melibatkan ketidakseimbangan emosi, psikologi, dan kognitif sehingga menimbulkan masalah kecelaruan jiwa. Rentetan itu, teori Barat seperti psikoanalisis, humanistik, terapi tingkah laku, gestalt, dan banyak lagi dilihat mempunyai kelemahan tersendiri apabila mengabaikan aspek dalaman iaitu roh. Oleh yang demikian, menjadi satu keperluan kepada bidang psikoterapi untuk menyuntik elemen agama dan kerohanian bagi meningkatkan aspek kesihatan dan kesejahteraan diri berlandaskan nilai syariat Islam. Ini bertepatan dengan konsep pemahaman manusia menurut Islam yang digariskan oleh tokoh seperti Sheikh Abu Talib Al-Makki dalam kitabnya *Qut al-Qulub*, Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* dan *Tazkiah an-Nafs* karya Ibnu Qayyim al-Jauziyah bahawa manusia banyak dipengaruhi oleh unsur dalaman diri seperti Roh, *Nafs*, *Aql* dan *Qalb*. Para ilmuwan Islam ini juga mengupas elemen diri manusia dengan lebih mendalam daripada sudut tasawuf yang membawa kepada pemahaman tingkah laku manusia dalam konteks masa kini. Bahkan, banyak penemuan mahupun penekanan terhadap pendekatan psikoterapi Islam daripada ulama terdahulu dilihat mampu membantu pesakit dalam mengurangkan tekanan atau stres yang dialami selaras dengan perspektif perubatan yang juga mendapati nilai keagamaan dapat meningkatkan kesejahteraan serta kepatuhan pesakit terhadap rawatan yang diterima.

Dalam Islam, elemen batiniah yang tercela akan membawa kepada gangguan kejiwaan yang ditonjolkan dalam bentuk marah, sedih, cemas, pilu, resah, gelisah hati, jiwa tidak tenteram dan berasa tiada daya untuk mengatasi persoalan hidup. Gejala ini bukan sahaja memberi kesan kepada jiwa dan psikologi, malah turut memberi impak buruk kepada kesihatan jasmani, mental dan tubuh badan. Oleh itu, aspek kesihatan mental memerlukan individu mempunyai kemahiran daya tahan dan jati diri yang kukuh bagi melahirkan insan mandiri yang seimbang aspek dalaman dan luaran. Islam juga melarang apa sahaja perlakuan yang boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan tubuh dan mental. Jika tidak, manusia akan mudah terdedah kepada kesilapan dan kemudaratian. Manusia juga tidak boleh menafikan kesan kekuatan iman terhadap kesihatan jiwa manusia. Bahkan, kajian-kajian terhadap elemen spiritual yang dianjurkan oleh Islam seperti solat, zikir, taubat, puasa, membantu orang lain serta membaca al-Quran dilihat mempunyai nilai empirikal yang tinggi dalam kesihatan jiwa manusia. Tuntasnya, ajaran serta nilai Islam yang berpandukan al-

Quran dan sunah mempunyai kesan langsung terhadap penyembuhan (*healing*) melalui sentuhan roh, jiwa mahu pun minda bagi memberikan keseimbangan dalam hidup manusia.

Kesimpulan

Secara umumnya, penerapan disiplin ilmu agama dalam memahami dan merawat masalah jiwa masih terhad dijalankan secara empirikal. Namun begitu, terdapat banyak pengiktirafan terhadap keperluan agama dalam proses membantu individu yang mempunyai masalah mental. Keperluan elemen agama sebagai intervensi juga telah diperakui oleh badan profesional seperti *American Psychological Association* (APA) dan *American Counseling Association* (ACA) yang mengiktiraf dan mengakui bahawa agama merupakan satu elemen yang memberikan sumbangan kepada perkembangan dan kefungsian manusia. Keagamaan (*religiosity*) berada dalam fasa ke-36 dalam bahagian psikologi yang diiktiraf. Sehubungan itu, adalah penting bagi pengamal seperti ahli psikologi dan kaunselor di Malaysia menerapkan dan menyuntik elemen keagamaan dalam setiap sesi rawatan yang dijalankan kepada mereka yang mengalami masalah kesihatan mental. Hal ini kerana, nilai keagamaan khususnya aspek kekuatan akidah dilihat berupaya memberi kesan positif terhadap konsep kendiri dalam menangani isu kesihatan mental.

BIBLIOGRAFI

American Psychological Association. (2011). Capaian pada 28 April 2020 dari <http://www.apa.org/about/division/div36.aspx>.

Che Zarrina Sa'ari & Norhafizah Musa. (2019). Pendekatan Psikoterapi Islam dalam Menguruskan Tekanan Pesakit Kronik. *Jurnal Usuluddin*, Vol 47 (1), 1-34.

Laporan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia IKPM, (2020). Jabatan Perkhidmatan Awam. Capaian pada 2 Februari 2020 di <https://ikpm.jpa.gov.my/>

Mitchell, S., & Romans, S. (2003). Spiritual Beliefs in Bipolar Affective Disorder: Their Relevance for Illness Management. *Journal of Affective Disorders*. Vol 75 (3), 247–57.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia-World Health Organization (2020). Capaian pada 8 Mei 2020 di <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019>

HUBUNGAN MUSLIM KRISTIAN DI SABAH

Oleh:



Dr. Abd Hakim Mohad & Dr. Ros Aiza Mohd Mokhtar

abdhakim@usim.edu.my

Penulis pertama ialah seorang pengkaji budaya dan masyarakat. Pemegang ijazah doktor falsafah dalam bidang sosiologi dan antropologi sosial dari Universiti Malaysia Sabah. Minat beliau ialah berdiskusi dan berdialog tentang isu-isu masyarakat. Mesej yang menjadi pilihan beliau ialah kedamaian dan keharmonian. Justeru “Bumi Semua Manusia” menjadi kata hikmah yang mengiringi perjalanan hidup beliau sepanjang hari.

ABSTRACT

